

## UNTUK HEBAHAN DALAMAN USM SAHAJA



### HEBAHAN PENTADBIRAN BIL.2/2021 PELAN PELAKSANAAN KERJA PENGURUSAN BAYARAN DALAM TEMPOH PKPB 2.0 TAHUN 2021

Susulan pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Malaysia pada 2 Mac 2021 iaitu bermula 5 Mac 2021 sehingga 18 Mac 2021, Pelan Pelaksanaan Kerja Pengurusan Bayaran dalam tempoh PKPB dirangka untuk memastikan proses bayaran berjalan dengan lancar.

Dengan itu, prosidur penghantaran dokumen kewangan dalam tempoh PKPB adalah seperti berikut:

1. Pusat Tanggungjawab (PTJ) imbas (scan) dokumen Pesanan Rasmi Universiti (PO) yang telah lengkap beserta Invoice, Delivery Order dan Good Receive Note (GRN), Sijil Komisyen dan Surat Kelulusan Aset (Pembelian aset)/ Tuntutan Staf/ Bukan Staf/ Kerja Sambilan/ Lebih Masa dan Arahan Bayaran.
2. Ketua PTJ meluluskan arahan bayaran melalui email dengan pernyataan berikut dimasukkan di dalam email sebagai bukti kelulusan:

*“Saya .....(Nama)..... Ketua Jabatan .....(PTJ).....  
dengan ini meluluskan dokumen yang dilampirkan bersama email ini untuk dibayar.”*

3. Dokumen arahan bayaran yang diimbas bersama emel kelulusan Ketua PTJ diemail kepada:

KAMPUS	ALAMAT EMAIL	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN
Kampus Induk	<a href="mailto:jbendahari@usm.my">jbendahari@usm.my</a>	18 Mac 2021
Kampus Kesihatan	<a href="mailto:tbursary@usm.my">tbursary@usm.my</a>	
HUSM	<a href="mailto:tbursary@usm.my">tbursary@usm.my</a>	

Dokumen kewangan (hardcopy) lengkap ditandatangani oleh Ketua PTJ dikemukakan ke Jabatan Bendahari setelah tamat tempoh PKP. *\*Arahan kaedah imbas (scan) dan email ini hanya digunakan untuk Kampus Induk dan Kampus Kesihatan SAHAJA. Bagi Kampus*

*Kejuruteraan dan IPPT perlu menyerahkan dokumen bayaran yang lengkap di Kaunter Jabatan Bendahari Kampus masing-masing.*

Walau bagaimanapun, bagi PTJ yang menghadapi kesukaran untuk membuat imbasan, dokumen boleh dikemukakan ke Kaunter Unit Perhubungan Pelanggan Jabatan Bendahari mengikut jadual operasi berikut:

KAMPUS	TARIKH & MASA	LOKASI
Kampus Induk	<b>9 Mac 2021 (Selasa)</b> <b>11 Mac 2021 (Khamis)</b> <b>16 Mac 2021 (Selasa)</b> <b>18 Mac 2021 (Khamis)</b> <b>(9:00 pagi – 1:00 tengah hari)</b>	Jabatan Bendahari Aras 3, Bangunan Canselori <i>(Kaunter Zon Bursary akan ditutup sepanjang tempoh PKP ini berkuatkuasa)</i>
Kampus Kesihatan (Zon Sentral)		Jabatan Bendahari Kampus Kesihatan
HUSM		Jabatan Bendahari Aras 2 Blok Pentadbiran
Kampus Kejuruteraan		Jabatan Bendahari Aras 1 Bangunan Pentadbiran
IPPT	<b>Setiap Hari Bekerja</b> <b>(9.00 pagi – 4.30 petang)</b>	Kaunter Seksyen Kewangan IPPT

## NOTA PENTING

**Adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk memastikan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap bagi melancarkan proses pembayaran.**

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT:DARURAT MENANGANI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah

**Bendahari**

**Universiti Sains Malaysia**

5 Mac 2021